



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5  
Tarikh : 10 Mei 2022

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 17/2022**

Semua Pelajar Program ASASlpintar

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK PEPERIKSAAN DAN JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN (KMJP) SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021/2022**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, seperti saudara/i sedia maklum bahawa Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 akan bermula pada **20 hingga 24 Jun 2022**.

2. Untuk makluman saudara/i, **pelajar adalah dikehendaki mencetak sendiri Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPweb**. Sehubungan itu, saudara/i boleh mencetak Kad Masuk Peperiksaan dan Jadual Waktu Peperiksaan (KMJP) mulai **30 Mei 2022**.

3. Sekiranya saudara/i **tidak membuat pengesahan masuk peperiksaan, denda sebanyak RM15.00 (Ringgit Malaysia: Lima belas ringgit sahaja) akan dikenakan dan bayaran boleh dibuat melalui Portal <https://ekewangan.ukm.my/> (Pilih Bayaran Tanpa Invois)**. Kemudian emelkan salinan bukti pembayaran kepada pihak Pusat Pengurusan Akademik ([akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)) sebelum saudara/i dibenarkan membuat cetakan KMJP melalui SMPweb. **Saudara/i diingatkan bahawa KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.**

4. Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah) dan telefon bimbit adalah **DILARANG** untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan, tindakan tatatertib akan diambil.

Sekian untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

**MUHAMMAD WALID OSMAN**  
Timbalan Pendaftar  
Pusat Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459 E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)
  - Pengarah  
Pusat GENIUS@Pintar Negara
  - Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat
  - Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Ketua  
Unit Kewangan Pelajar  
Jabatan Bendahari



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459 E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)